

## UMPSA sumbang RM200,000 bantu pelajar tak mampu

Kosmo 10/7/24 (R460)



ABDUL RAZAK (dua dari kiri) dan Yuserrie bersama penerima sumbangan barangan keperluan di Janda Baik di Bentong semalam.

**BENTONG** – Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah (UMPSA) melalui Yayasan UMPSA bertindak proaktif menyediakan peruntukan sebanyak RM200,000 bagi membantu pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMPSA, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar berkata, peruntukan bantuan awal pendidikan dan insentif kecemerlangan melalui Yayasan UMPSA itu adalah untuk pelajar baharu UMPSA bagi pengambilan program diploma dan ijazah sarjana muda pada tahun ini.

"Bantuan awal pendidikan serta insentif kecemerlangan ini akan diberikan kepada pelajar yang memilih UMPSA sebagai universiti pilihan pertama.

"Sumbangan ini adalah khusus untuk pelajar yang berasal daripada keluarga kurang berkemampuan serta pelajar cemerlang yang memenuhi kriteria yang ditetapkan," katanya pada majlis sumbangan kepada keluarga kurang berkemampuan di Janda Baik di sini semalam.

Serahan sumbangan keperluan makanan tersebut disampaikan Abdul Razak yang juga Pengerusi Yayasan UMPSA bersama Naib Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts

Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Abdul Razak, dengan adanya peruntukan itu, UMPSA berharap dapat meringankan beban kewangan pelajar serta menggalakkan lebih ramai pelajar cemerlang memilih UMPSA sebagai destinasi pendidikan tinggi mereka.

Bellau menjelaskan, peruntukan sebanyak RM1.8 juta telah diluluskan Yayasan UMPSA untuk bantuan kebajikan pelajar pada tahun ini termasuk pemberian zakat pelajar, bantuan insentif kecemerlangan dan pendidikan, bantuan kampus pantri dan dapur siswa serta penajaan biasiswa UMPSA.